

→ KESELAMATAN

Syarat visa kemasukan pelajar asing diperketat

BH
25/12/16
mls-16

(FOTO MOHAMMAD ISHA/BH)



Idris menunjukkan bebola lumpur ciptaan pelajar Politeknik Kota Bharu yang digunakan untuk merawat air pada Program Kelestarian Alam Sekitar Bersama Komuniti Rawatan Air Menggunakan Bebola Lumpur di Kuala Besut, semalam.

Oleh Mohammad Ishak
bhkt@bh.com.my

✦ **Jertih**

Syarat pemberian visa kemasukan pelajar asing ke negara ini akan diperketatkan bagi memastikan penuntut berkenaan tidak terbabit dan menyebarkan kegiatan keganasan khususnya militan Daesh.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh, berkata kementerriannya bekerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri khususnya Jabatan Imigresen untuk melaksanakannya.

“Kami serahkan sepenuhnya kepada pihak berkuasa keselamatan untuk menentukan status pelajar sebelum mereka dibenarkan mendapat visa. Ia sebagai langkah mengekang kegiatan keganasan dalam kalangan penuntut asing di negara ini,” katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas Program Kelestarian Alam Sekitar Bersama Komuniti Rawatan Air Menggunakan Bebola Lumpur, di sini, semalam.

Tahan 7 lelaki

Polis menahan tujuh lelaki pada 3 November hingga 16 Disember lalu kerana disyaki terbabit dengan ke-

giatan keganasan, dengan dua daripada mereka adalah warga asing yang menuntut di Universiti Antarabangsa Al-Madinah (Mediu) di Shah Alam, Selangor.

Hasil bebola lumpur

Sementara itu, Idris memuji usaha pelajar Politeknik Kota Bharu, Kelantan yang berjaya menghasilkan bebola lumpur untuk meningkatkan tahap kebersihan dan kualiti air.

Katanya, projek pertama yang dilancarkan itu menguji tahap kebersihan air dalam longkang dan dalam tempoh seminggu bebola itu dimasukkan ke dalam longkang, air akan menjadi bersih dan jernih.



Kami serahkan kepada pihak berkuasa untuk tentukan status pelajar sebelum mereka dibenarkan mendapat visa”

Idris Jusoh,
Menteri Pendidikan
Tinggi

→ Usaha sekat kegiatan keganasan berkaitan Daesh daripada berleluasa